

**AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL ETNIK BAJAU UBIAN DI KUDAT,
SABAH: PENELITIAN TERHADAP KAEDAH PERUBATAN TAWAL**

***TRADITIONAL MEDICINAL PRACTISE OF BAJAU UBIAN TRIBE IN
KUDAT, SABAH: STUDY ON TAWAL MEDICINAL METHOD***

**Nur Fardha Ayu Jusnih¹
Zainuddin Baco^{2*}**

¹ & ² *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah, 88100, Sabah, MALAYSIA*

firdauss1571@gmail.com*

Dihantar/Received: 16 April 2024 | Penambahbaikan/Revised: 05 Jun 2024

Diterima/Accepted: 20 Jun 2024 | Terbit/Published: 26 Jun 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/ga.v13i2.5186>

ABSTRAK

Artikel ini mengupas tentang amalan perubatan tradisional upacara *Tawal* oleh masyarakat Bajau Ubian di Kudat, Sabah. Amalan perubatan tradisional merupakan salah satu alternatif perubatan bagi mengubati jenis penyakit ringan dan biasa seperti demam, gigitan serangga berbisa, sawan dan lain-lain. Upacara *Tawal* juga dipercayai dapat mengubati sebarang penyakit yang disebabkan oleh sihir dan gangguan makhluk halus. Upacara ini masih diamalkan oleh sebahagian kecil masyarakat Ubian di Kudat kerana mempercayai akan keberkesanan upacara ini dalam mengubati penyakit. Kaedah kajian ini menggunakan medium kajian perpustakaan dan temu bual langsung kepada pengamal perubatan *tawal* atau juga dikenali sebagai *Tukang Tawal*. Kajian ini diharap dapat memberi pendedahan kepada masyarakat dan menjadi satu dokumentasi penting kepada pengekalan warisan budaya masyarakat Bajau Ubian.

Kata kunci: Bajau Ubian, Perubatan Tradisional, Penyakit Ringan, Kearifan Tempatan, Adat

ABSTRACT

This article unravels about *Tawal*, the traditional medical practice ceremony practised by the Bajau Ubian community in Kudat, Sabah. Traditional medical practice is one of the medical alternatives used by this community for healing, apart from modern medicine. The *Tawal* medical practice aims to cure minor illnesses such as fever, poisonous insect bites, convulsions and cure witchcraft or the disorder of ethereal beings. This ceremony is still practiced by some Bajau Ubian communities in Kudat because this practice is still effective and is seen as one of the ancestral practices that need to be passed down from one generation to the next. This research method uses the medium of library research and direct interviews with *tawal* medicine practitioners or also known as *Tukang Tawal*. This study is expected to provide exposure to the community and become an important documentation for the preservation of the cultural heritage of Bajau Ubian community.

Keywords: Bajau Ubian, Traditional Remedies, Minor Ailments, Local Wisdom, Tradition

PENGENALAN

Dalam konteks negeri Sabah, walaupun perkhidmatan kesihatan moden telah mula diperkenalkan seawal era pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBU) iaitu pada tahun 1881. Namun, masyarakat peribumi khususnya masyarakat Bajau Ubian masih memilih kaedah perubatan tradisional untuk mengubati pelbagai penyakit ringan seperti demam, gigitan serangga berbisa, sawan dan mengubati sihir atau gangguan makhluk halus. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan tahap penerimaan masyarakat Bajau Ubian terhadap perubatan moden. Salah satunya adalah faktor lokasi klinik atau hospital yang jauh daripada kawasan mereka dan faktor faktor keraguan / ketakutan akan keberkesanan perkhidmatan tersebut. Hal ini dijelaskan oleh pegawai perubatan Dr. Campbell yang menyatakan; *...suspicious of everything 'European' and their fears of medicine and hospitals made them almost impossible to treat* (Dr Campbell's report on Interior Dispensaries, 1931).


Dari segi konsep, perubatan tradisional didefinisikan sebagai himpunan amalan yang dicipta bagi tujuan menghadapi masalah atau penyakit yang dihadapi sama ada semasa sihat mahupun semasa sakit (Abdul Hamid, F., & Fauzi, N. W, 2012). Perubatan tradisional bermula apabila anggota masyarakat menghadapi penyakit dan diubati oleh tabib, pawang, bomoh atau dukun menggunakan ilmu mengubati termasuklah menggunakan mantera. Mantera ialah semua jenis ucapan yang diungkapkan dalam bentuk puisi atau prosa berirama yang mana dipercayai mengandungi unsur magis dengan tujuan kebaikan atau sebaliknya (Haron Daud, 2002:106). Lazimnya, khidmat pengamal perubatan tradisional diperlukan sekiranya seseorang anggota masyarakat itu diserang atau menghadapi sesuatu penyakit. Hal ini berbeza dengan konsep amalan perubatan moden kerana perubatan moden merangkumi amalan penjagaan kesihatan berdasarkan bidang sains dengan melakukan diagnosis untuk mengetahui punca kemudian pemberian rawatan.

Perubatan tradisional juga lazimnya dikaitkan dengan pengaruh faktor sosial, genetik, persekitaran dan domestik terhadap kejadian penyakit dan kecacatan manusia. Pengamal perubatan tradisional selalunya memperoleh pengetahuan mengenai penyembuhan dan rawatan tradisional yang mengutamakan ubat-ubatan herba mengaitkan ia dengan beberapa aspek kerohanian. Mereka menggunakan herba dalam pelbagai bentuk dan aplikasi. Sama seperti pengamal perubatan tradisional yang lain, pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai perubatan tradisional sangat mengagumkan. Akan tetapi pengamal perubatan tradisional tidak dapat menjelaskan mengenai mekanisme bagaimana terapi itu berfungsi. Umumnya falsafah mereka bergantung pada anggapan bahawa penyakit bertindak balas terhadap ubat yang betul tetapi tiada penjelasan (Matanjun, D. *et. al*, 2018).

Perlu ditekankan bahawa perubatan tradisional juga merupakan salah satu bentuk warisan kebudayaan (tidak ketara) masyarakat lampau yang penting. Walaupun, tidak dinafikan bahawa terdapat sesetengah amalan perubatan tradisional ini yang bertentangan dengan ajaran agama. Namun, sebahagian besar amalan perubatan tradisional telah disesuaikan dengan ajaran agama agar ianya dapat diterima dan menjadi alternatif perubatan untuk menjaga kesihatan ahli masyarakat, sebagaimana upacara *Tawal*. Pada masa yang sama, transformasi dan penyesuaian amalan perubatan tradisional dan moden perlu dilakukan dengan melakukan kajian saintifik kerana mekanisme perubatan tradisional juga telah dibuktikan keberkesannya dalam merawat dan mencegah pelbagai jenis penyakit. Selain itu, usaha dan pendekatan holistik perlu dilakukan agar warisan budaya ini tidak hilang dan menjadi salah satu alternatif rawatan kepada masyarakat kini.

Secara keseluruhannya, artikel ini mengupas tentang kepada amalan perubatan tradisional khususnya *Upacara Tawal* dalam kalangan masyarakat Bajau Ubian, di Kudat Sabah. Masyarakat Bajau merupakan antara tiga kaum terbesar di Sabah dan masyarakat ini terbahagi kepada dua kelompok iaitu Bajau Pantai Timur dan Bajau Pantai Barat (Md. Saffie Abd. Rahim,

Sabihah Osman & Ramzah Dambul, 2012). Masyarakat Bajau Ubian adalah salah satu sub-suku daripada masyarakat Bajau Pantai Timur atau gelaran lainnya iaitu Bajau Laut. Etnik Bajau Ubian ini majoritinya tinggal di persisiran pantai dan pulau-pulau Sabah. Meskipun arus globalisasi dan pembangunan teknologi telah membawa kepada perkembangan moden dalam perubatan. Namun, masih terdapat sebahagian kecil masyarakat di Bajau Ubian yang mengamalkan perubatan tradisional dalam kehidupan seharian mereka.



Rajah 1: Peta Pola Penempatan Masyarakat Bajau di Sabah

Sebelum masyarakat Bajau Ubian menganuti agama Islam, masyarakat ini memegang kepercayaan nenek moyang mereka yang berunsurkan animisme dan amalan tradisi yang dilakukan mempunyai pengaruh Hindu-Buddha. Etnik ini juga mempercayai kewujudan alam ghaib (roh nenek moyang), kuasa luar biasa dan gangguan makhluk halus sebelum adanya manusia (Datu Tigabelas Datu Zainal Abidin, 2010). Meskipun majoriti masyarakat Bajau Ubian sudah menganuti agama Islam, mereka masih lagi mengamalkan adat dan upacara yang diturunkan daripada nenek moyang mereka dalam kehidupan seharian mereka. Bagi mereka, roh nenek moyang merupakan salah satu alternatif yang dapat membantu menyembuhkan pesakit yang dipercayai telah diganggu oleh makhluk halus atau mendapat tulah. Antara perubatan tradisional yang diamalkan adalah seperti *magombo*, *angamu-ngamu*, *magduwata* dan *tawal*. Di dalam penulisan ini, pengkaji akan memfokuskan kepada kaedah perubatan tradisional *Tawal*.

KAEDAH PERUBATAN TRADISIONAL TAWAL

Tawal adalah istilah yang digunakan oleh masyarakat Bajau Ubian yang memberi maksud kepada “ubat”. Cara perubatan *tawal* ini akan dilaksanakan oleh seorang “pandai” yang dipanggil pananawal atau ta’u anawal yang mana bermaksud “pandai tawar” bagi mengubati penyakit-penyakit ringan (Nur Faidah Aldam & Vibien W. C. Yew, 2017). Ilmu untuk mempelajari kaedah perubatan *tawal* ini hanya boleh diturunkan kepada anak murid si Tukang Tawal. Hal ini demikian kerana mereka mempercayai bahawa pengajar akan mendapat umur pendek (apu’ut umulna) sekiranya ilmu *tawal* ini diajarkan kepada sembarang orang. Namun begitu menurut Encik Kalintong Tanduk, terdapat juga beberapa ibu bapa yang mahir mengubati menggunakan kaedah ini dan membuat *tawal* kepada anak-anak mereka.

Menurut Encik Maulana Laud, doa-doa yang dibacakan adalah menggunakan bahasa Bajau Ubian yang telah dipelajari sejak zaman nenek moyang mereka dan juga kadang kala doa ini dibacakan dengan sedikit petikan ayat al-Quran. Antara penyakit yang diubati menggunakan kaedah *tawal* adalah bagi mengubati serangan daripada serangga berbisa seperti lipan dan ular, mengubati sawan, mengubati demam, dan juga mengubati penyakit yang disebabkan oleh gangguan sihir.

Antara bait-bait doa/mantera yang dibaca ketika upacara *tawal* dijalankan boleh dilihat seperti dalam kenyataan berikut;

i. Mantera bagi mengubati serangan daripada serangga berbisa

“Kunci Aulah...
Kunci Rasulullah...
Berakat...”
(Kajian Lapangan, 2024)

Terjemahan:

Ayat	Terjemahan dalam bahasa melayu
Kunci Aulah	Kunci Allah
Kunci Rasulullah	Kunci Rasulullah
Berakat	Berkat

Bagi memulakan setiap perubatan (*tawal*), Si Tukang Tawal akan membacakan bismillah sebelum beliau memulakan bacaan mantera/doa. Semua doa-doa/mantera ini akan dibacakan secara berulang iaitu sebanyak tiga kali sambil tangan beliau memegang kawasan yang sakit atas kawasan bekas gigitan haiwan berbisa. Selepas itu, si Tukang Tawal akan memberikan air yang sudah di tawar untuk diminum oleh pesakit. Seperti yang dapat dilihat di dalam petikan bait doa di atas, doa/mantera yang dibaca bagi mengubati serangan haiwan berbisa mempunyai perkataan "kunci Allah" dan "kunci rasulullah". Menurut Encik Abdul Nasir Laud, perkataan ini disebutkan agar “bisa” atau racun daripada serangga berbisa ini keluar dari badan pesakit dan kekuasaan tuhan serta rasul dapat "mengunci" atau menghindarkan badan pesakit daripada diserang “bisa” sehingga merebak ke seluruh badan. Doa/mantera ini di akhiri dengan perkataan "berkat" bagi memohon keberkatan daripada tuhan agar pesakit cepat sembuh daripada penyakitnya.

ii. Mantera bagi mengubati sawan

“Siba-siba...
Undur saitan...
Undur saitan...
Undur Saitan...
Berakat...”
(Kajian Lapangan, 2024)

Terjemahan:

Ayat	Terjemahan dalam bahasa melayu
Siba-siba	Dewa Shiva
Undur saitan	Jauh dari syaitan
Berakat	Berkat

Dalam kaedah perubatan masyarakat Bajau Ubian seterusnya, si Tukang Tawal akan menyentuh badan pesakit untuk mengubati penyakit sawan. Langkah yang sama dilakukan oleh

si Tukang Tawal iaitu pengulangan bacaan doa sebanyak tiga kali dan air yang sudah dibacakan *tawal* akan diberikan kepada pesakit untuk diminum. Unsur-unsur animisme dapat dilihat melalui sebutan nama dewa Shiva dalam doa/mantera agar pesakit dilindungi daripada syaitan dan diakhiri dengan permohonan keberkatan di akhir doa. Menurut Cik Asmayatie Gantih, bait doa ini berbentuk seperti ini kerana masyarakat Bajau Ubian mempercayai bahawa penyakit sawan ini adalah disebabkan daripada gangguan syaitan di samping percaya bahawa kepercayaan nenek moyang (Dewa Shiva) dapat menyembuhkan pesakit.

iii. Mantera bagi mengubati demam

“Harimau kun gajah...
Kuat ku manjadi kawat...
Tulangku manjadi basi...
Sa-ribu alam...
Berakat...”

(Kajian Lapangan, 2024)

Terjemahan:

Ayat	Terjemahan dalam bahasa melayu
Harimau kun Gajah	Harimau dan Gajah
Kuat ku manjadi Kawat	Aku kuat seperti tembaga
Tulang ku manjadi basi	Tulang ku seperti besi
Sa-ribu Alam	Selama seribu alam
Barakat	Berkat

Manakala bagi merawat demam, si Tukang Tawal akan membacakan doa/mantera di bahagian kepala pesakit kemudian beliau akan mengurut anak-anak jari pesakit agar demam dari badan keluar dari badan pesakit. Selepas selesai bacaan doa/mantera, pesakit akan diminta untuk berehat dan sentiasa meminum air yang sudah di tawar. Menurut Encik Maulana Laud, perkataan harimau, gajah, besi dan tembaga disebut di dalam doa/mantera adalah bagi mendoakan badan pesakit yang lemah akibat demam kembali kuat seperti elemen-elemen dan haiwan yang disebut. Pesakit akan diminta untuk meminum air yang sudah ditawar kerana mereka mempercayai bahawa air yang sudah ditawar dapat menyembuhkan pesakit dari dalam diri.

iv. Mantera bagi mengubati penyakit yang disebabkan oleh gangguan sihir

“Aulah Humma Balik Sumpah
Maraming saitan...
Sa-labig Kosog Tuhan...
Berakat...”

(Kajian Lapangan, 2024)

Terjemahan:

Ayat	Terjemahan dalam bahasa melayu
Aulah Humma Balik Sumpah	Dengan nama Allah yang mengembalikan sumpahan
Maraming saitan	Serendah darjat syaitan, sebanyak mana syaitan
Sa-labig Kosog Tuhan	Kuasa Tuhan lebih kuat
Berakat	Berkat

Bagi mengubati penyakit gangguan sihir, Tukang Tawal akan membacakan doa /mantera di air mandian pesakit. Bacaan doa/mantera ini dibuat untuk mengeluarkan sihir yang dihantar kepada pesakit. Selepas sihir itu keluar dari badan pesakit, sihir tersebut akan dihantar kembali kepada penghantar yang menghantarnya (Encik Maulana, Kajian Lapangan, 2024). Langkah perubatan ini mempunyai persamaan dengan kaedah perubatan Bajau Samah di mana individu yang telah disihir akan diubati dengan memandikan pesakit dengan air bunga (mandi salamun) agar sihir tersebut keluar dari badan pesakit (Syamsul Azizul Marinsah, Asmiaty Amat & Aisyah Tamby Omar, 2020).

Bagi penyakit ringan seperti terseliuh dan sakit di badan pula, Si Tukang Tawal akan membacakan doa terus secara langsung di kawasan anggota badan yang sakit sambil menyapukan atau mengurut bahagian yang sakit tersebut. Selain itu, Si Tukang Tawal juga membacakan doa di bahagian atas kepala kerana menurut Puan Anang Abdul Hamid, kepala merupakan laluan roh kehidupan manusia.



Rajah 2: Si Tukang Tawal sedang membacakan doa / mantera di tangan pesakit

Selepas Si Tukang Tawal selesai mengubati pesakit, keluarga pesakit akan memberikan sedekah kepada si Tukang Tawal sebagai upah beliau merawat pesakit. Menurut Puan Haimah Basaluddin, antara barang-barang yang diberikan bagi membayar upah si Tukang Tawal adalah seperti 5 kg beras, roti, buah-buah seperti pisang, keropok dan juga kek. Sedekah yang diberikah adalah tidak terikat kepada suatu jumlah yang tetap dan bebas mengikut kemampuan sesebuah keluarga itu. Selepas sedekah dihantar ke rumah Tukang Tawal, si Tukang Tawal akan mendoakan kesejahteraan keluarga pesakit dan sentiasa dalam lindungan.



Rajah 3: Barangan sedekah yang disediakan oleh keluarga pesakit sebagai upah kepada Tukang Tawal

Seiring dengan perkembangan zaman, teknik perubatan *tawal* yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Ubian juga mengalami sedikit perubahan. Menurut Cik Asmayatie Gantih, kaedah perubatan *tawal* di zaman moden juga boleh dilakukan melalui atas talian. Si Tukang Tawal hanya memerlukan nama dan gambar pesakit sebelum memulakan bacaan doa atau mantera bagi memulakan perubatannya. Apabila si Tukang Tawal sudah menerima nama dan gambar pesakit, beliau akan mengasingkan diri dan membaca doa *tawal* yang sama seperti perubatan *tawal* secara fizikal untuk disampaikan kepada pesakit melalui atas talian. Melalui kaedah perubatan *Tawal*, pesakit yang dirawat merasakan dirinya telah sembuh dalam masa selama beberapa jam sahaja selepas Tukang Tawal membacakan doa kepadanya.

PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP TAWAL

Kaedah perubatan tradisional masyarakat Bajau Ubian di Kudat, Sabah banyak dipengaruhi oleh kepercayaan animisme iaitu kepercayaan nenek moyang. Perkara ini dapat dilihat melalui perkara yang berkait rapat dengan kepercayaan mereka kepada semangat, roh dan jin. Meskipun majoriti masyarakat Bajau Ubian telah mengamalkan agama Islam, namun begitu amalgamasi di antara ajaran Islam dan juga kepercayaan nenek moyang masyarakat Bajau Ubian masih wujud dalam kehidupan mereka. Perkara ini dapat dilihat melalui kehadiran nama Allah dan rasulullah di dalam bait-bait doa yang dibaca semasa upacara *tawal* dijalankan. Nilai-nilai ajaran Islam seperti penggunaan lafaz bismillah dan selawat juga dapat dilihat di dalam doa yang dibacakan.

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa amalan adat dan warisan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Ubian adalah terbahagi kepada dua kumpulan iaitu pertama, sebahagian amalan masyarakat Bajau Ubian menepati syariat Islam. Manakala kedua pula sebahagian amalan tradisi yang diamalkan mempunyai unsur bidaah disebabkan oleh pengaruh budaya setempat dan turun temurun daripada nenek moyang. Hal ini kerana amalan tradisi yang mengutamakan unsur nenek moyang ini adalah sebagai lambang penghormatan. Tambahan lagi, amalan perubatan tradisional ini juga tidak menerima pengharmonian bersama nilai-nilai Islam secara menyeluruh. Dalam amalan perubatan yang mereka amalkan ini, konsep mencampur aduk antara adat dan syariat mengakibatkan adat mendominasi kehidupan agama masyarakat Bajau Ubian. Hal ini kerana adat sudah menjadi seperti syariat dan sebaliknya.

Beberapa pengkaji berpendapat bahawa ritual perubatan tradisional, terutamanya yang menggunakan medium orang tengah seperti upacara perubatan *Tawal* adalah tidak sah dari segi agama dan tidak wajar dilaksanakan. Hal ini disebabkan oleh kepercayaan mereka bahawa upacara atau ritual ini mengandungi elemen *tasyabbuh* yang serupa dengan ritual orang bukan Islam. Menurut Sahih Fawzan (t.t), al-tasyabbuh dengan orang bukan Islam termasuk semua bentuk dan sifat mereka, termasuk tingkah laku, amalan, kebudayaan dan kepercayaan mereka (Syamsul Azizul Marinsah *et, al.*, 2020). Ritual perubatan tradisional masyarakat Asia Tenggara mempunyai banyak persamaan antara kaum. Hal ini disebabkan keterikatan mereka dengan kepercayaan animisme iaitu kepercayaan yang mereka miliki sebelum menganut agama Islam.

Perkara ini dapat dilihat dalam perubatan *tawal* melalui sebutan nama Dewa Shiva di dalam doa semasa mengubati penyakit sawan dan juga mempercayai semangat untuk menguatkan diri seperti harimau dan gajah. Kajian ini menunjukkan kebergantungan kepada makhluk halus disebut lebih awal sebelum menyebut nama Allah SWT dan selawat ke atas nabi.

Daripada perspektif Islam, hukum meminta bantuan daripada roh nenek moyang adalah sama dengan meminta bantuan daripada orang yang meninggal dunia. Hal ini kerana meminta pertolongan daripada orang yang telah meninggal dunia dan berdoa untuk mereka merupakan salah satu dosa besar (Basri Ibrahim, 2009). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ianya adalah haram untuk menyebut atau meminta nama untuk memohon pertolongan agar malapateka atau bala dapat dielakkan (al-Sanusi, 1862).

Di samping itu, amalan perubatan *tawal* juga melanggar syarak kerana bertentangan dengan konsep tawakal dalam Islam. Menurut al-Ghazali (1992), tawakal ditakrifkan sebagai

menyerahkan diri atau bersandarkan kepada Allah SWT dalam segala-galanya. Selain daripada itu, bertawakal kepada Allah bermaksud menjadikan Allah sebagai “wakil” dalam menguruskan segala urusan dan bergantung kepada Allah untuk menyelesaikan segala urusan (Basri, 2008). Tawakal merupakan kayu ukur kepada tahap kepercayaan seseorang kepada Allah swt. Oleh itu, ucapan doa atau mantera dalam amalan perubatan *tawal* ini jelas memperlihatkan penentangan dengan konsep tawakal dalam Islam. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas di mana Tukang Tawal bertindak berdoa kepada Allah tetapi dalam masa yang sama menyebut juga nama entiti lain di dalam doa atau mantera.

Walau bagaimanapun, sesetengah ahli masyarakat berpendapat upacara ini wajar dikedalkan kerana bagi mereka ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa bacaan ayat Al-Quran boleh membantu menyembuhkan orang sakit. Pandangan dibuat ini berasaskan kepada keyakinan mereka bahawa beberapa amalan tradisional dapat disokong oleh ajaran Islam, terutamanya apabila terdapat bacaan ayat Al-Quran yang digunakan dalam proses perubatan. Pendekatan ini berasaskan pemahaman dan interpretasi Tukang Tawal terhadap ajaran Islam yang membolehkan penggunaan ayat-ayat Al-Quran sebagai sebahagian daripada proses penyembuhan.

Dalam Islam, ayat-ayat Al-Quran dianggap sebagai sumber kekuatan rohani dan penyembuhan. Maka dengan itu, penggunaannya dalam upacara perubatan tradisional dilihat sebagai sesuatu yang bersesuaian dengan ajaran agama. Beberapa contoh penggunaan ayat Al-Quran dalam konteks perubatan tradisional mungkin termasuk membaca ayat-ayat tertentu semasa merawat pesakit, menggunakan air yang dibacakan dan disentuh dengan ayat-ayat Al-Quran sebagai minuman atau mandian, atau menjalankan amalan tertentu yang disertakan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran untuk tujuan penyembuhan. Tambahan lagi, sesetengah ahli masyarakat yang menyokong amalan ini juga berpendapat bahawa penggunaan bacaan ayat-ayat daripada Al-Quran merupakan elemen yang penting sebagai penguat kepada proses perubatan yang dijalankan secara rohani.

Maka dengan itu, bagi mengelakkan pengamal perubatan (Tukang Tawal) dan pesakit melanggar nilai Islam, terdapat beberapa orang sarjana berpendapat bahawa amalan perubatan tradisional ini harus diuji dan dinilai dengan teliti semula. Hal ini demikian kerana ujian ini dijalankan bagi memastikan penggunaan ayat-ayat Al-Quran dalam upacara perubatan tradisional ini tidak bertentangan dengan prinsip atau nilai Islam. Di samping itu bagi mengelakkan pengamal perubatan (Tukang Tawal) dan pesakit daripada terpesong daripada nilai Islam kerana percaya akan entiti lain selain Allah SWT.

Secara keseluruhan, pandangan tentang kesesuaian upacara adat perubatan tradisional *Tawal* dengan ajaran Islam adalah subjektif dan berbeza antara pendapat individu dan komuniti setempat. Hal ini kerana ianya bergantung kepada interpretasi dan pemahaman individu terhadap ajaran Islam serta amalan tradisional yang dilakukan.

Bagi memastikan adat yang diamalkan sentiasa menurut syariat dan tidak bercanggah dengan syarak, adat yang tidak sesuai diamalkan mengikut ajaran Islam perlulah disemak semula dan diubah suai. Hal ini demikian kerana Islam adalah agama utama mereka, maka ianya merupakan satu keperluan untuk memastikan bahawa amalan-amalan tradisi atau adat istiadat yang diamalkan oleh mereka selaras dengan ajaran Islam atau syariat Islam yang termaktub dalam Al-Quran dan Hadis.

Dalam konteks artikel ini, langkah-langkah perlu diambil untuk menyemak semula dan mengubahsuai adat tersebut apabila adat atau amalan tradisi yang diamalkan tidak selaras dengan ajaran Islam. Hal ini kerana, prinsip utama dalam Islam adalah untuk mengamalkan ajaran agama secara konsisten dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan, termasuk amalan sosial, budaya, dan tradisi. Penyemakan semula adat atau tradisi yang tidak selaras dengan ajaran Islam boleh melibatkan proses dialog dan kajian keagamaan untuk memahami dengan lebih baik bagaimana adat tersebut bertentangan dengan ajaran Islam. Setelah penyemakan dilakukan, langkah-langkah perubahan atau penyesuaian boleh diambil untuk memastikan bahawa adat tersebut tidak lagi bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Penekanan pada pengubahsuaian ini adalah untuk memastikan bahawa masyarakat Islam menjalankan kehidupan mereka dengan mengikut prinsip-prinsip ajaran Islam secara komprehensif dan konsisten. Perkara ini adalah penting kerana Islam bukan hanya sekadar

agama ritual tetapi juga menekankan nilai-nilai moral dan etika yang merentasi semua aspek kehidupan.

Pada satu sisi pula, upacara ini perlu didokumentasikan dan diketengahkan sebagai salah satu bentuk warisan perubatan tradisional yang perlu dilindungi agar tidak hilang dan tenggelam dek arus globalisasi. Pendokumentasikan dan penyimpanan rekod upacara-upacara perubatan tradisional adalah penting kerana ia membolehkan pengetahuan, teknik, dan amalan yang terlibat dalam perubatan tradisional masih ada tersimpan untuk difahami dan diketahui bagi generasi yang akan datang.

Selain daripada aspek dokumentasi, adalah penting juga untuk mempromosikan upacara perubatan tradisional sebagai warisan budaya yang bernilai. Ini boleh dilakukan melalui penyelidikan, penerbitan, pameran, dan aktiviti-aktiviti pengiklanan lain yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan dan keunikan upacara perubatan tradisional. Promosi ini dapat membantu menghargai dan menghormati warisan budaya yang telah dipraktikkan oleh masyarakat selama berabad-abad. Perlindungan warisan perubatan tradisional juga penting dalam konteks perkembangan globalisasi. Globalisasi membawa perubahan cepat dalam masyarakat dan sering kali menghadirkan pengaruh-pengaruh yang boleh mengancam atau mengubah cara hidup tradisional. Dengan melindungi upacara perubatan tradisional, masyarakat dapat memastikan bahawa pengetahuan dan kebijaksanaan yang terkandung dalam amalan ini tidak hilang atau terpinggirkan oleh perubahan dalam dunia moden.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, perubatan tradisional *Tawal* merupakan sebahagian penting daripada warisan budaya masyarakat tempatan di Borneo Utara terutama sekali bagi masyarakat Bajau Ubian di Kudat, Sabah. Hal ini kerana ianya mencerminkan identiti dan kearifan tempatan yang telah diwarisi dari generasi ke generasi bagi masyarakat tersebut. Selain daripada itu, amalan perubatan tradisional juga sering kali mencakup aspek holistik dalam penyembuhan, termasuk fizikal, emosi, dan rohani. Pendekatan ini menyediakan alternatif kepada sistem perubatan moden dan memberikan pilihan kepada individu daripada masyarakat Bajau Ubian untuk merawat penyakit mereka.

Meskipun amalan perubatan tradisional *Tawal* ini telah disesuaikan dengan ajaran agama, keperluan untuk memastikan bahawa ianya tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asas agama Islam adalah perlu bagi mengelakkan pengamal perubatan (Tukang Tawal) dan pesakit untuk jatuh syirik dan melanggar syariat Islam. Oleh itu, penggunaan ayat-ayat Al-Quran dalam upacara perubatan tradisional *Tawal* memerlukan pemahaman yang mendalam dan pengawasan oleh ahli agama.

Selain daripada itu, walaupun amalan perubatan tradisional *Tawal* mempunyai tempatnya dalam masyarakat Bajau Ubian di Kudat, ianya seharusnya tidak dianggap sebagai pengganti kepada perubatan moden. Sebaliknya, adalah penting untuk mencari keseimbangan yang baik antara kedua-dua sistem perubatan untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang optimal bagi masyarakat Bajau Ubian dan juga kesihatan individu.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan ribuan terima kasih kepada Encik Maulana bin Laud, Encik Kalintong Bin Tanduk iaitu Ketua Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah, Puan Anang binti Abdul Hamid, Puan Haimah Basaluddin, Encik Abdul Nasir bin Laud, Cik Asmayatie binti Gantih serta penduduk kampung kerana telah memberikan kerjasama bagi menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- A. A. Cense & E. M. Uhlenbeck. 1958. *Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*. Belgium: M. Nijhoff, 's-Gravenhage.
- Abdul Hamid, F. & Fauzi, N. W. Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal al Tamaddun*, 7: 149-162.
- Datu Tigabelas Datu Zainal Abidin. 2010. *Bajau Sama Sabah Dulu, Kini Dan Masa Depan, Konvensyen Persatuan Sama Sabah*. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.
- Fairuzah Hj. Basri. 2008. *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu: Perkembangan dan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit UiTM.
- Interior Dispensaries – Dr Campbell’s report on., Government Secretary kepada Principal Officer. 30 Julai 1931. Fail No. 185. Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah.
- Matanjun D. et. al. 2018. Traditional Medicine in Sabah: A Case Study From The District of Kota Marudu. *Borneo Journal of Medical Sciences*, Special Issue. Volume 1.
- Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul. 2012. *Bajau Pantai Timur*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Bhd.
- Nuradibah Nordin & Gusni Saat. 2022. Antara identiti Bajau Samah dan Bajau Ubian, sejauh mana perbezaannya: kajian kes di kampung Pulau Gaya asal, Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 28 (1): 147-161.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2018. Carakanan Bahasa Ubian Mantanani: Satu Rungkasan Awal. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 6(2): 83-98.
- Syamsul Azizul Marinsah & Mohd Anuar Ramli. 2017. Amalan Tradisi Magombo’ dalam Masyarakat Bajau di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya dan Perspektif Hukum Islam. *Borneo Research Journal*, Volume 11 (2017): 72-86.
- Syamsul Azizul Marinsah, Asmiaty Amat & Aisyah Tamby Omar. 2020. Ritual Perubatan Tradisional Etnik Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, 31(1): 74-95.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Mohd Anuar Ramli. 2020. Unsur Kearifan Tempatan dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari Perspektif Hukum Islam. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*, Bil. 29(2019): 51-69.
- Zulayti Zakaria, Ang Kean Hua, Mohamad Pirdaus Yusoh, Lindah Roziani Jamru, Adi Jafar, Dg Junaidah Awang Jambol & Mohamad Ikhrum Mohamad Ridzuan. 2023. Menelusuri Warisan Budaya-Ketara dan Budaya-Tidak-Ketara Etnik Bajau Ubian di Pantai Timur Sabah. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*. Vol. 5 (3):426-436.

INFORMEN

- Abdul Nasir bin Laud, 65 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Nelayan. Temubual pada 20 Februari 2024.
- Anang binti Abdul Hamid, 67 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Surirumah. Temubual pada 20 Februari 2024.
- Asmayatie binti Gantih, 27 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Peniaga. Temubual pada 20 Februari 2024.
- Haimah Basaluddin, 37 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Pekerja dewan makan. Temubual pada 18 Februari 2024.
- Kalintong bin Tanduk, 68 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Ketua Kampung Kg. Tanjung Kapor. Temubual pada 18 Februari 2024.
- Maulana bin Laud, 68 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Nelayan. Temubual pada 18 Februari 2024.
- Norsahirah binti Maulana, 28 Tahun. Kg. Tanjung Kapor, Kudat. Pelajar. Temubual pada 18 Februari 2024.